

BAB 1 PENGENALAN KEPADA EKONOMI (E)

1. Maklumat berikut berkaitan dengan situasi dalam ekonomi.

Syarikat Bata telah menambah bilangan pekerja untuk meningkatkan pengeluaran barang pada musim perayaan bagi memenuhi permintaan orang ramai.

Apakah masalah asas ekonomi yang telah di atasi dalam situasi tersebut?

- I. Apakah yang hendak dikeluarkan?
 - II. Berapa barang yang hendak dikeluarkan?
 - III. Bagaimana barang hendak dikeluarkan?
 - IV. Untuk siapakah barang dikeluarkan?
- A. I,dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
2. Syarikat E&E bercadang untuk mengeluarkan 5 000 unit radio dengan menggunakan teknik moden. Apakah masalah yang belum diselesaikan oleh Syarikat E&E?
 - A. Apakah yang hendak dikeluarkan?
 - B. Berapa barang yang hendak dikeluarkan?
 - C. Bagaimana barang hendak dikeluarkan?
 - D. Untuk siapakah barang dikeluarkan?
 3. Maklumat berikut berkaitan dengan pengeluaran bagi Firma X.

Firma X perlu menentukan teknik pengeluaran yang hendak digunakan sama ada berintensif buruh atau berintensif modal apabila mengeluarkan sesuatu barang.

Masalah asas ekonomi yang berkaitan dengan pernyataan di atas ialah

- A. Apakah yang hendak dikeluarkan?
 - B. Berapa barang yang hendak dikeluarkan?
 - C. Bagaimana barang hendak dikeluarkan?
 - D. Untuk siapakah barang dikeluarkan?
4. Masalah untuk siapa barang dikeluarkan akan diselesaikan melalui
 - A. Agihan pendapatan dalam masyarakat
 - B. Kuasa permintaan dan penawaran
 - C. Permintaan masyarakat
 - D. Mekanisme harga
 5. Antara berikut, yang manakah **benar** tentang system ekonomi campuran?
 - A. Sumber ekonomi dimiliki oleh sektor swasta
 - B. Kebajikan masyarakat diutamakan
 - C. Persaingan sihat antara pengeluar
 - D. Pilihan pengguna terhadap

6. Maklumat berikut berkaitan dengan suatu sistem ekonomi.

- ***Firma bebas bersaing dari segi harga dan bukan harga***
- ***Masalah ekonomi diselesaikan melalui mekanisme harga***
- ***Individu bebas memilih barangan***

Pihak yang manakah berkuasa membuat keputusan dalam sistem ekonomi tersebut?

- I. Pengeluar
 - II. Pemerintah
 - III. Pihak Bank
 - IV. Pengguna
- A. I, dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

7. Sistem ekonomi campuran lebih baik daripada sistem ekonomi pasaran bebas kerana

- A. Pilihan pengguna bebas
- B. Mengutamakan keuntungan
- C. Sumber ekonomi dimiliki oleh kerajaan
- D. Campur tangan kerajaan mengurangkan pembaziran sumber ekonomi

8. Pernyataan dibawah berkaitan dengan sistem ekonomi.

- ***Sumber ekonomi milik Tuhan***
- ***Prinsip kesederhanaan***
- ***Mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat***

Pernyataan tersebut berkaitan dengan

- A. Sistem ekonomi perancangan pusat
- B. Sistem ekonomi campuran
- C. Sistem ekonomi pasaran bebas
- D. Sistem ekonomi Islam

9. Antara berikut, yang manakah merupakan kebaikan sistem ekonomi perancangan pusat?

- A. Mengawal permintaan pengguna
- B. Mengutamakan kebajikan masyarakat
- C. Menggalakkan persaingan bebas antara pengeluar
- D. Memastikan keperluan dan kehendak pengguna dipenuhi

10. Pernyataan di bawah berkaitan dengan suatu sistem ekonomi.

- ***Mengimbangi motif keuntungan dan kebajikan***
- ***Menggalakkan persaingan sihat***

Pernyataan tersebut berkaitan dengan

- A. Sistem ekonomi pasaran bebas
- B. Sistem ekonomi campuran
- C. Sistem ekonomi pasaran bebas
- D. Sistem ekonomi perancangan pusat